

**PROGRAM LAFAZ IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) JABATAN TAMAN LAUT MALAYSIA**  
**W. P. LABUAN BERSAMA JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN W. P. LABUAN**

Tarikh : 15 Disember 2017  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat, Jabatan Bekalan Air W. P. Labuan

Pengurusan organisasi yang efisien dan berkesan terbukti apabila setiap kakitangan sesebuah organisasi tersebut mengamalkan nilai integriti yang utuh dalam melaksanakan tugas harian yang berpandukan garis panduan dan Standard Operation Procedure (SOP) yang ditetapkan. Ikrar Bebas Rasuah (IBR) ini merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil cetusan idea oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM sendiri, Datuk Dzulkifli Ahmad. Sehubungan itu, dalam menyahut seruan Kerajaan menentang rasuah di dalam semua peringkat lapisan masyarakat untuk membudayakan dan menyemai semangat integriti yang tinggi, Jabatan Taman Laut W. P. Labuan bersama Jabatan Pengairan dan Saliran W. P. Labuan telah melaksanakan program lafaz ikrar bebas rasuah yang disaksikan oleh Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) W. P. Labuan. Seramai 20 orang kakitangan yang terlibat dalam program ini berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Diharapkan program ini akan memantapkan lagi integriti setiap kakitangan dalam dalam segala urusan yang dilaksanakan nanti.





Disediakan oleh : Anuar Bin Deraman, Pengarah Taman Laut Labuan